

14 MAY 2001

Belia

30,000 SAMBUT HARI BELIA NEGARA DI IPOH

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Seramai 30,000 belia dari seluruh negara akan berhimpun di Stadium Perak, Ipoh, malam esok sempena sambutan Hari Belia peringkat kebangsaan.

Sambutan tahun ini dianjurkan bersama oleh Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Belia Malaysia dan Kerajaan Negeri Perak.

Kira-kira 10 aktiviti disusun sempena sambutan itu, demikian menurut kenyataan kementerian di sini, hari ini.

Acara kemuncak Perhimpunan Hari Belia Negara 2001 itu ialah penyampaian Anugerah Belia Negara oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anugerah kerajaan itu bertujuan mengiktiraf dan menghargai sumbangan belia terhadap pembinaan bangsa dan negara.

Tema sambutan Hari Belia Negara tahun ini ialah "Kesukarelaan Pemangkin Perpaduan" yang selaras dengan Tahun Kesukarelaan Antarabangsa.

Acara lain yang akan diadakan ialah Festival Belia Antarabangsa, Konvensyen Kesukarelaan dan Belia, Larian Belia, Ekspo Pameran dan maklumat mengenai Belia, Kem Sukarelawan, Pameran Sukan Lasak dan kempen menderma darah.

Sebanyak 75 peratus daripada penduduk Malaysia adalah di bawah 40 tahun dan kira-kira 10 juta daripadanya berumur antara 15 dan 39 tahun.

-- BERNAMA

SR AZZ NAK